



**UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)
JABATAN KETUA MENTERI**

**GARIS PANDUAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS SOSIAL
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Garis panduan ini adalah digunakan untuk penganjuran majlis-majlis sosial seperti Majlis Perkahwinan dan Pertunangan, Majlis Berkaitan Agama seperti Doa Selamat, Majlis Sambutan seperti Majlis Ulang Tahun dan Majlis-Majlis Sosial yang lain.

Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan di Negeri Sarawak sahaja tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

1. Panduan Am

- a. Penganjuran majlis-majlis sosial adalah disyorkan untuk diadakan di dalam dewan tertutup untuk memudahkan kawalan.
- b. Tempat atau dewan yang digunakan haruslah dinyahcemar sebelum dan selepas digunakan.
- c. Kehadiran adalah dihadkan kepada **250 orang** tertakluk kepada kapasiti tempat atau dewan yang digunakan selepas mengambil kira penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- d. Hanya tetamu yang diundang sahaja dibenarkan hadir.
- e. Tetamu yang diundang haruslah berusia melebihi 12 tahun. Undangan untuk tetamu yang melebihi usia 70 tahun adalah tidak digalakkan.

- f. Mana-mana hadirin (tetamu, petugas ataupun pekerja) yang mempunyai gejala demam, batuk, selesema atau mempunyai suhu melebihi 37.5°C adalah dilarang menghadiri mana-mana majlis sosial.
- g. Penyediaan makanan adalah sama ada secara dihidang, menggunakan *dome* atau bufet yang diselia oleh pramusaji yang ditugaskan untuk mencedok makanan ke pinggan tetamu.
- h. Pengambilan minuman keras adalah tidak digalakkan namun sekiranya ada, haruslah pada tahap yang sederhana.
- i. Perkongsian peralatan makanan seperti gelas, sudu, garpu, pinggan dan mangkuk adalah tidak dibenarkan.
- j. Semua aktiviti yang melibatkan sentuhan adalah dilarang.
- k. Jangkamasa penganjuran majlis-majlis sosial adalah dihadkan kepada tiga (3) sehingga lima (5) jam sahaja.

2. Panduan Untuk Hadirin

Semua hadirin hendaklah mengambil berat tentang aspek keselamatan dan kebersihan sebelum, semasa dan selepas majlis-majlis sosial:

- a. Mengikuti jadual majlis yang telah ditetapkan;
- b. Menggunakan penutup hidung dan mulut sepanjang masa;
- c. Digalakkan untuk kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau '*hand sanitiser*';
- d. Tidak bersalaman di antara satu sama lain;
- e. Mengisi jadual kehadiran samada mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera atau COVIDTrace ataupun melalui buku kehadiran yang disediakan. Untuk mengisi buku kehadiran para tetamu adalah digalakkan untuk menggunakan pen sendiri;

- f. Menghadkan pergerakan dan tidak berkunjung dari meja ke meja;
- g. Tidak berkumpul sebelum dan selepas majlis; dan
- h. Terus meninggalkan majlis secara teratur sejurus selepas selesai majlis tersebut.

3. Panduan Untuk Penganjur

Pihak Penganjur majlis-majlis sosial hendaklah:

- a. Memastikan proses nyahcemar dilaksanakan ke atas tempat atau dewan yang akan digunakan untuk majlis tersebut;
- b. Membuka hanya satu pintu untuk masuk dan satu lagi untuk keluar;
- c. Menyediakan buku kehadiran ataupun menyediakan kod QR untuk diimbas menggunakan aplikasi MySejahtera ataupun COVIDTrace.
- d. Membuka kaunter pendaftaran di pintu masuk untuk:
 - i. memastikan hanya tetamu yang diundang sahaja hadir;
 - ii. membuat pemeriksaan suhu badan ke atas semua hadirin termasuk pekerja dan petugas;
 - iii. memastikan semua hadirin menggunakan penutup hidung dan mulut;
 - iv. memastikan semua hadirin mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau hand sanitiser; dan
 - v. memastikan para hadirin mencatat kehadiran masing-masing;
- e. Memastikan dewan tempat majlis tersebut mempunyai pengudaraan yang baik;
- f. Memastikan SOP majlis tersebut sentiasa dipatuhi terutamanya amalan penjarakan sosial sebelum, semasa dan selepas majlis;
- g. Menamatkan majlis tepat pada waktu yang telah ditetapkan;

4. Lain-lain

- a. Setiap penganjur majlis sosial adalah digalakkan untuk menyesuaikan garis panduan ini bergantung kepada keadaan dan keperluan semasa masing-masing.
- b. Pihak penganjur majlis sosial adalah turut digalakkan untuk merujuk kepada SOP Am Pelaksanaan Majlis Sosial yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.
- c. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak boleh menarik balik kebenaran menganjurkan majlis-majlis sosial sekiranya terdapat pihak penganjur yang gagal mematuhi arahan serta garis panduan umum ini.
- d. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak juga boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan semasa.
- e. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **mulai 1 Julai 2020** sehingga suatu tarikh yang diputuskan kemudian.

Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR)

Tarikh: 26 Jun 2020